

ASRI TOLAK SERUAN BERSATU



■ DATUK SERI DR
MAHATHIR



■ DATUK ASRI

KUALA LUMPUR, Jumaat — Yang Dipertua Agung PAS, Datuk Asri hari ini menolak ulangan tawaran Perdana Menteri supaya kembali menyertai semula Barisan Nasional.

Dengan nada suara yang tinggi, Datuk Asri menolak kemungkinan itu berkali-kali ketika ditemui di rumahnya di sini.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, ketika berucap di Trengganu semalam mengulangi tawaran yang dibuatnya lama dulu supaya PAS rujuk ke pangkuan Barisan Nasional demi perpaduan umat Islam.

Menurutnya, pintu Barisan Nasional sentiasa terbuka kepada PAS dan Barisan Nasional telah beberapa kali membuat tawaran tetapi ditolak bulat-bulat oleh PAS.

"Kalau beliau membebaskan soal perpaduan", kata Datuk Asri, "apakah

Oleh MJOR KAMARUL SHAHID
dan ASARI IBRAHIM

Datuk Seri Dr. Mahathir menafikan pilihanraya itu sebagai satu perpecahan? Kalau ia dianggap sebagai satu perpecahan, mengapa pilihanraya dibenarkan?" Soal Datuk Asri.

Terletak pada parti

"Perpaduan adalah sesuatu yang nabi", tegasnya lagi sambil menambahkan, "di saat-saat ini bukannya soal itu dan hadapilah pilihanraya dengan baik."

Ditanya kemungkinan PAS membawa perkara itu ke mesyuarat jawatankuasa agungnya akhir bulan ini, Datuk Asri berkata, "nak bawa berassakan apa? Dan kalau nak bawa ke mesyuarat jawatankuasa agung sahaja pun tidak mencukupi. Ia hanya boleh membincangkannya sahaja."

Datuk Asri menambah, "Jawatankuasa agung tidak berkuasa kerana kuasa untuk memutuskananya terletak kepada parti sendiri. Ia mesti dibawa ke pengetahuan Dewan Ula-

ma sebelum dibawa ke Mukhtar Agung."

Perkara tersebut dilakukan ketika PAS bersedia bekerjasama dengan UMNO dalam Barisan Nasional dahulu.

Ia pun dilakukan menerusi saluran-saluran yang boleh diterima oleh kedua pihak," ujarnya lagi.

Pemimpin-pemimpin PAS lain menafikan tawaran terbuka Datuk Seri Dr. Mahathir itu seperti "menghebahkan peminaran anak gadis seseorang di pasar borong."

Sudah tentu pihak yang dipinang tidak menerima, ujar seorang pemimpin parti itu.

Datuk Asri mengulangi, partiya akan beresendiria menghadapi pilihanraya umum 22 April ini.

Beliau berkata, matlamat PAS dalam pilihanraya kali ini ialah untuk menang.

"Kalau satu PAS mementingkan jumlah undi, kali ini PAS akan menurukkan perhatiannya kepada jumlah kerusi," katanya lagi.

Datuk Asri juga tidak menolak beliau akan bertanding di kawasan jayanya di Nilam Puri yang dirampas oleh Barisan Nasional dalam pilihanraya 1978.

Bagaimanapun, jelasnya, keputusan itu belum dibuat oleh parti.

Sementara itu, wakil kita di Kuala Trengganu, M A N A Y O S M A N melaporan, Naib Pengerusi PAS, Encik Mustafa Ali mengemukakan dua syarat yang harus dipatuhi oleh UMNO sebelum PAS menyertai semula Barisan Nasional.

Syarat 2

Dua syarat itu ialah UMNO harus mengubah perlembagannya yang ada sekarang kepada satu perlembagaan lain yang bermaksud Islam dan menggunakan kuasanya sebagai tunggal Barisan Nasional.

Encik Mustafa memberitahu, kecuali syarat-syarat itu dipatuhi, titik pertemuan antara kedua parti tidak mungkin ada.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2149
No. Penerimaan 2149/85